



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PENGGULUNGAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**TEKS UCAPAN PENGGULUNGAN KE ATAS PERBAHASAN
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (BELANJAWAN)
2026**

**DI DEWAN RAKYAT BAGI
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**3 NOVEMBER 2025
(ISNIN)**

PEMBUKAAN

Terima kasih Yang di-Pertua,

Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan menyentuh isu-isu di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semasa mengambil bahagian dalam sesi **Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2026 bermula pada 13 Oktober sehingga 28 Oktober 2025.**

Saya menghargai segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan dan akan diambil kira dalam perancangan KPWKM di masa hadapan, termasuklah syor penambahbaikan yang dinyatakan mahupun yang dicadangkan oleh Ahi-Ahli Yang Berhormat sekalian.

In sya Allah, pada hari ini, saya akan memberi maklum balas kepada pertanyaan-pertanyaan yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (Belanjawan) 2026.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
WANITA		
1.	<p>Kesejahteraan wanita yang bekerja dan ibu tunggal yang bekerja - sistem sokongan terutama kepada wanita yang bekerja tidak cukup meluas. Kos TASKA hari ini yang kosnya sangat membebankan dan wanita berdepan dengan kos penjagaan anak-anak yang begitu tinggi.</p> <p>(a) apakah program yang akan dilaksanakan untuk membantu ataupun meningkatkan lagi, memperkasakan lagi sistem sokongan kepada pekerja wanita?</p> <p>(b) apakah program khusus untuk membantu ibu-ibu tunggal miskin khususnya?</p>	<p>DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]</p>

1. Sementara itu, **Yang Berhormat Rantau Panjang** juga ingin mengetahui usaha yang dilaksanakan untuk memperkasakan lagi sistem **sokongan kepada wanita bekerja** serta program khusus untuk **membantu ibu tunggal**.

2. Untuk makluman, KPWKM sentiasa menyokong pihak majikan, sama ada agensi kerajaan atau swasta, untuk menyediakan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) bagi memberi sokongan kepada ibu bapa khususnya wanita agar dapat bekerja dengan lebih komited dan meningkatkan produktiviti.

3. Melalui strategi memperkukuh ekosistem pekerjaan kondusif di bawah Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2025-2030, antara inisiatif yang digariskan adalah pemberian insentif kepada majikan yang menyediakan persekitaran kerja mesra keluarga. Inisiatif lain yang turut digariskan di bawah strategi tersebut adalah insentif pelepasan cukai kepada syarikat yang menyediakan kemudahan penjagaan anak, melaksanakan aturan kerja fleksibel dan kemudahan sokongan lain.

4. Selain itu, PTPW turut meneroka insentif pelepasan cukai individu untuk tujuan penjagaan ibu bapa dan mempergiat insentif pelepasan cukai bagi yuran penghantaran anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke TASKA atau TADIKA yang berdaftar.

5. Pada masa yang sama, KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dan akan terus membantu memberi advokasi dan konsultasi berkaitan penubuhan TASKA kepada semua pihak bagi memastikan pengoperasian TASKA memenuhi standard minimum yang ditetapkan.

Ibu Tunggal

6. Sementara itu, KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan **program pemerksaan ibu tunggal** yang dikenali sebagai Program Kasih Ibu Tunggal (KASIHNITA). Program ini dirangka khusus untuk membantu ibu tunggal memupuk minda dan nilai positif, membangunkan keupayaan berdikari serta membentuk mereka menjadi agen perubahan dalam komuniti.

7. Bagi tahun 2025, modul kemahiran perundangan di bawah KASIHNITA telah ditambah baik dengan penyediaan khidmat dan bantuan yuran guaman untuk mewakili ibu tunggal yang kurang berkemampuan membuat tuntutan atau menjawab tuntutan di mahkamah bagi kes sivil dan syariah.

8. Program KASIHNITA telah dilaksanakan secara berfasa mulai 13 Ogos 2025 dengan melibatkan enam (6) zon iaitu zon

Sarawak, zon Sabah, zon Selatan (Negeri Sembilan), zon Tengah (Selangor), zon Utara (Pulau Pinang) dan zon Timur (Kelantan).

9. Proses pemantauan dan penilaian akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan keberkesanan dan pencapaian objektif program tercapai.

10. Menerusi cadangan Belanjawan 2026, Program KASIHNITA dirancang untuk diteruskan dengan pendekatan lebih strategik melalui khidmat bantuan guaman kepada ibu tunggal yang layak. Program ini disasarkan untuk memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 5,000 orang ibu tunggal yang layak di seluruh Malaysia. Dengan sokongan bajet tahunan, KASIHNITA boleh diperluas capaiannya dan meningkatkan impak pemberdayaan sosioekonomi wanita, khususnya ibu tunggal, sebagai penyumbang aktif kepada pembangunan sosioekonomi negara.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT (PSSS)		
2.	Pusat sokongan sosial setempat hendaklah diperbanyakkan untuk sokongan kesihatan mental supaya keluarga dapat dibangunkan kerana banyak isu sosial yang berlaku daripada masalah kesihatan mental. Cadang wujudkan penunjuk kesejahteraan keluarga untuk menentukan indeks kesejahteraan keluarga.	DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

Tan Sri Yang Dipertua,

1. KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) antaranya memberi penekanan terhadap usaha memperkukuh sokongan kesihatan mental dan kesejahteraan keluarga melalui penubuhan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di seluruh negara.
2. PSSS menyediakan perkhidmatan psikososial melalui sesi bimbingan dan kaunseling, intervensi dan rujukan bantuan kebajikan kepada masyarakat termasuk keluarga dalam menangani isu-isu berkaitan kesejahteraan sosial dan kesihatan mental yang semakin membimbangkan.
3. Bagi menjawab kepada cadangan **Yang Berhormat Rantau Panjang** agar **PSSS ini diperbanyakkan**, sukacita dimaklumkan

bahawa KPWKM dan YKN telah melaksanakan Program Jelajah KASIH PSSS di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran masyarakat serta capaian kepada perkhidmatan ini. Ini adalah sebahagian daripada usaha kami untuk mengurangkan isu psikososial dan tekanan emosi dalam kalangan masyarakat. Pada tahun 2024, PSSS telah mengendalikan 33,000 klien manakala dari Januari hingga September 2025 sahaja, bilangan klien yang dikendalikan telah melebihi 56,000. Program ini ada dilakukan secara individu dan juga berkelompok.

(Nota: Jumlah kes yang dikendalikan PSSS sejak diperkenalkan pada tahun 2021 adalah seramai 134,395 individu)

4. Melalui Program Sahabat PSSS, peranannya diperluaskan dengan penglibatan komuniti setempat, NGO, pelajar IPT/IPTS dan pemimpin masyarakat bagi memperkukuh jaringan sokongan sosial di lapangan. Sahabat PSSS diberikan pendedahan tentang Kemahiran Asas Menolong dan dilatih sebagai rakan sokongan awal (*first responder*) di peringkat komuniti bagi mengenal pasti isu-isu psikososial yang dihadapi oleh masyarakat.

5. Pendekatan ini bukan sahaja dapat menangani tekanan emosi, malah membina daya tahan keluarga dan komuniti dalam membudayakan kehidupan yang lebih sejahtera.

6. KPWKM menyokong penuh keperluan untuk memperbanyakkan PSSS sebagai usaha memperkukuh jaringan sokongan komuniti khususnya kepada keluarga yang berdepan dengan pelbagai tekanan sosial dan emosi.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
WARGA EMAS		
3.	<p>a) Pembinaan Pusat Aktiviti Warga Emas harus mengambil pendekatan baru. Sebagai contoh, PAWE (Pusat Aktiviti Warga Emas) boleh diintegrasikan dengan kemudahan <i>day care</i>, pusat kesihatan komuniti, kaunseling, aktiviti sosial, latihan digital asas dan perkhidmatan kesukarelawanan. Saya mencadangkan agar model baru PAWE ini dilaksanakan sebagai projek perintis di Sibul.</p> <p>b) bagaimanakah kerajaan memastikan bahawa pengembangan pusat PAWE ini dapat menangani keperluan khusus wanita tua yang membentuk sebahagian besar populasi warga emas? Dan apakah langkah-langkah yang disediakan untuk merekrut dan juga melatih penjaga dan juga kakitangan dalam PAWE bagi menggalakkan keseimbangan jantina dalam pemerkasaan dalam tenaga kerja?</p>	<p>TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]</p> <p>DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]</p> <p>DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]</p> <p>TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]</p>

	<p>c) apakah program yang akan dibuat untuk memperkasakan peranan warga emas?</p> <p>d) lebih banyak kemudahan, fasiliti di semua tempat. Bukan di pusat bandar saja, bukan di ibu-ibu kota ataupun ibu-ibu negeri saja. Tetapi juga di desa, di luar bandar, ada fasiliti, ada kemudahan, ada pusat-pusat membolehkan mereka terlibat dalam menyertai apa saja aktiviti.</p>	
--	---	--

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi cadangan untuk memperkasakan peranan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) seperti diperkembangkan untuk turut mempunyai kemudahan *day care*, pemeriksaan kesihatan komuniti, latihan digital asas dan sebagainya.

2. Untuk makluman, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang dibangunkan oleh KPWKM memberi panduan kepada semua pihak bagi

melahirkan generasi warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, penuaan positif, penuaan aktif, penuaan produktif dan penuaan menyokong.

3. Menyedari keperluan warga emas untuk tinggal dengan sejahtera dalam komuniti, KPWKM telah bekerjasama dengan Pertubuhan-pertubuhan Sukarelawan Kebajikan dalam menubuhkan PAWE. Di PAWE, warga emas boleh menjalankan apa-apa aktiviti yang sihat dan bermanfaat kepada ahli dan komunitinya menerusi penglibatan aktif warga emas setempat. Antara aktiviti yang sering diadakan adalah senaman dan riadah, program berunsur keagamaan serta sukan rekreasi seperti catur, karom, *dart* dan sebagainya. Ada juga PAWE yang mengajurkan program khusus pada waktu tertentu seperti hari pemeriksaan kesihatan dan kelas-kelas yang menambah kemahiran dan pengetahuan termasuklah celik digital. Sehingga kini, sebanyak 193 buah PAWE sedang beroperasi di seluruh Malaysia yang memberi manfaat kepada lebih daripada 50,000 warga emas.

4. Walaubagaimanapun, Ahli-Ahli Yang Berhormat **jangan terkeliru** antara peranan PAWE dengan Pusat Jagaan. Ini kerana pengoperasian pusat jagaan warga emas seperti *day care* atau *respite care centre* adalah tertakluk kepada perundangan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] yang menggariskan syarat-

syarat pematuhan demi keselamatan penghuni atau pelanggannya. Ini termasuklah penyediaan penjaga yang mahir, kelengkapan tertentu, nisbah ruang lantai dengan penghuni, dan sebagainya.

5. Dalam hal ini, pendaftaran PAWE tidak membolehkan mereka mengoperasikan pusat jagaan. Namun begitu, ahli PAWE boleh bergerak secara kreatif untuk membantu komuniti setempat dalam mengisi kelompangan penjagaan atau mengatasi fenomena kesunyian, seperti menyantuni dan meneman warga emas yang tinggal sendirian di rumah di kawasan mereka.

6. Untuk menggalakkan lebih banyak PAWE ditubuhkan, KPWKM telah membuat penambahbaikan bermula tahun ini menerusi Program Pemerksaan Warga Emas atau PAWE@3A (*Anywhere, Anytime, Any place*). Melalui pembaharuan ini, PAWE boleh melaksanakan program atau aktiviti pemerksaan warga emas dalam lokaliti masing-masing secara lebih fleksibel tanpa terikat kepada premis dan waktu tertentu.

7. Pada masa yang sama, sekiranya mana-mana PAWE yang mempunyai premis bersesuaian serta boleh memenuhi syarat-syarat dan berhasrat untuk menyediakan perkhidmatan pusat jagaan sama ada harian mahupun berkediaman, mereka boleh

menukar pendaftaran untuk menjadi pusat jagaan mengikut Akta 506.

8. Oleh itu, cadangan menjadikan PAWE sebagai hub penjagaan dan kesihatan warga emas perlu diperhalusi sewajarnya, termasuklah kesesuaian lokasi, keperluan komuniti setempat serta kerjasama strategik dengan pihak kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kesihatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
ORANG KURANG UPAYA		
4.	Saya ingin tahu apakah program yang akan dibuat untuk memberdayakan OKU?	DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Beralih kepada usaha memperkasakan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang disentuh oleh **Yang Berhormat Rantau Panjang**, Kerajaan melalui KPWKM bersama kementerian, jabatan, dan agensi berkaitan sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkasa golongan OKU ke arah meningkatkan inklusiviti dan kesejahteraan hidup mereka.

2. Antara program dan inisiatif yang dilaksanakan adalah:

(i) **Program Latihan di Bengkel Terlindung** yang bertujuan menyediakan latihan pekerjaan kepada golongan OKU dalam pelbagai bidang;

- Terdapat dua (2) Bengkel Terlindung di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat (KPWKM), iaitu Bengkel Daya Klang, Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani, Kedah.

- Antara latihan yang disediakan seperti jahitan, sulaman, pembuatan roti dan pastri, dobi, peruncitan serta pengurusan bistro (restoran).

- (ii) **Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP)** yang memberi tumpuan kepada latihan kemahiran teknikal, pemulihan industri alat sokongan serta pembangunan sukan para;
- (iii) Pengoperasian 580 Pusat bagi **Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)** oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dengan sokongan oleh KPWKM yang berfungsi sebagai pusat intervensi dan latihan kepada golongan OKU;
- (iv) Melaksanakan **Audit Akses** dalam usaha pembangunan persekitaran fizikal yang mesra dan inklusif kepada golongan OKU;
- (v) Bagi memperkukuh ekosistem sokongan kepada golongan OKU autisme, KPWKM sedang menyiapkan pembangunan **Pusat Autisme** pada tahun 2025 yang

akan beroperasi di PLPP Bangi, Selangor. Melalui Belanjawan 2026, Pelaksanaan inisiatif ini dicadang untuk diperluaskan ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak bagi memberi manfaat kepada lebih 13,000 individu autisme dan keluarga mereka, dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM20 juta.

(vi) **Pelaksanaan Program Perkhidmatan Job Coach (PPJC)** bagi menyediakan sokongan pekerjaan kepada golongan OKU bagi memastikan mereka dapat berdikari serta kekal dalam pekerjaan;

(vii) **Pelaksanaan Program Disability Equality Training (DET)** bertujuan meningkatkan kefahaman, kepekaan, dan kemahiran dalam menyantuni serta menyokong golongan OKU, bagi mewujudkan persekitaran yang inklusif, menghormati kepelbagaian, dan bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi terhadap OKU.

3. Selain itu, KPWKM turut bekerjasama dengan pelbagai agensi lain seperti Kementerian Sumber Manusia dan HRD Corp serta pihak swasta untuk memastikan kemudahan latihan dan pekerjaan bagi OKU terus berkembang.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
ISU SOSIAL		
5.	Apakah program yang dibuat oleh kementerian untuk menangani isu sosial yang semakin parah?	DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

1. Seterusnya, saya ingin memberi maklum balas kepada **Yang Berhormat Rantau Panjang** terhadap pertanyaan berhubung **program** yang dibuat oleh KPWKM dalam **menangani isu sosial**.

Tan Sri Yang di-Pertua,

2. Isu sosial merupakan satu cabaran besar yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Keruntuhan akhlak, peningkatan jenayah, penyalahgunaan dadah, dan masalah sosial dalam kalangan remaja boleh memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara.

3. Menyedari hal ini, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Sosial Negara (MSN) sebagai platform utama bagi membincangkan isu-isu sosial dan menjadi badan tertinggi dalam Kerajaan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap isu-isu tersebut.

4. Keruntuhan nilai asas dalam keluarga dan masyarakat turut menjadi faktor isu sosial yang semakin berleluasa. Justeru KPWKM sedang mengambil tindakan menambah baik dasar berkaitan kekeluargaan. Dasar ini dirangka berasaskan prinsip nilai keluarga yang menjadi tunjang kekuatan kepada pembinaan sahsiah dan peradaban masyarakat. Ini termasuklah usaha pemerksaan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

5. Penyelesaian kepada isu sosial tidak boleh dilihat dari sudut penguatkuasaan undang-undang semata-mata, tetapi perlu ditangani secara menyeluruh. Justeru, peranan keluarga perlu diperkasakan sebagai benteng utama dalam pembentukan sahsiah anak-anak dan nilai murni masyarakat.

6. KPWKM sedar bahawa menangani masalah sosial ini memerlukan pendekatan seluruh masyarakat atau dengan izin, *whole society approach*. Oleh itu, KPWKM komited untuk memperkukuh usaha ini melalui kerjasama rentas kementerian bagi memastikan kesejahteraan rakyat.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
KANAK-KANAK		
6.	Terdapat banyak dasar dan kerangka berkaitan kanak-kanak yang ada. Saya berharap ada satu kerangka induk, pelan induk kanak-kanak malaysia yang boleh dicadangkan selepas ini.	PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Mengenai isu kanak-kanak yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Ampang**, beliau telah mencadangkan supaya **satu kerangka induk kanak-kanak** Malaysia dapat dilaksanakan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan menerusi KPWKM telah melancarkan Dasar Kanak-Kanak Negara pada 24 November 2024 untuk memperkukuh perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia. Dasar ini bertujuan memastikan setiap kanak-kanak berhak kepada kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan, dan penyertaan dalam persekitaran yang kondusif dan selamat.

3. Dasar yang diperbaharui ini menggabungkan dasar dan pelan tindakan sedia ada di bawah KPWKM seperti:

- i. Dasar Kanak-kanak Negara & Pelan Tindakan (2009-2015);
- ii. Dasar Perlindungan Kanak-kanak & Pelan Tindakan (2009-2015);
- iii. Elemen Kanak-kanak dalam Dasar Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial Kebangsaan & Pelan Tindakan (2022-2025); dan
- iv. Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber (2015-2020).

4. Penyediaan dasar ini turut mengambil kira dasar dan pelan tindakan melibatkan kanak-kanak di bawah kementerian lain seperti Dasar Kesihatan Remaja Negara 2001 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Dasar Pendidikan Kebangsaan serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. Strategi pelaksanaan dasar ini akan diterjemahkan melalui Pelan Tindakan yang akan melibatkan semua pihak termasuk ibu bapa/penjaga, keluarga, komuniti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), swasta dan kerajaan.

6. Pelan Tindakan yang dibangunkan ini adalah untuk mengenal pasti program/tindakan, indikator, sasaran, tahun pelaksanaan,

peneraju serta agensi pelaksana dan dirancang untuk dilancarkan pada penghujung tahun 2025.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
KANAK-KANAK		
7.	Cadangan mewujudkan <i>Malaysia Child Wellbeing Index</i> dengan pelaporan tahunannya dikemukakan kepada Parlimen untuk perbahasan.	PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan cadangan **Yang Berhormat Ampang** untuk **mewujudkan *Malaysia Child Wellbeing Index***, dimaklumkan pada masa ini negara mempunyai *Malaysia Wellbeing Index* (MyWI) yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai ukuran kesejahteraan rakyat secara menyeluruh, termasuk elemen sosial yang memberi kesan kepada kanak-kanak.
2. Di samping itu, beberapa inisiatif di peringkat negeri, termasuk projek rintis *Child Wellbeing Index* di Sabah dengan kerjasama UNICEF Malaysia, telah dijalankan sebagai asas kepada pembangunan indeks nasional pada masa hadapan.
3. Cadangan **Yang Berhormat Ampang** untuk indeks ini diadakan adalah saranan yang baik dan kita akan perhalusi kebolehlaksanaan dan impak kewujudannya.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
KELUARGA		
8.	Apakah program KPWKM di negeri Perlis khususnya di Parlimen Kangar memandangkan kes-kes melibatkan ibu bapa dan kanak-kanak yang semakin hari semakin meruncing.	YB TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

1. Masih berhubung kanak-kanak, **Yang Berhormat Kangar** ingin mengetahui **program membabitkan kanak-kanak** yang dilaksanakan oleh KPWKM **di Negeri Perlis** khususnya Parlimen Kangar.

2. Dalam hal ini, KPWKM dan agensinya di peringkat negeri dan daerah, termasuk negeri Perlis dan di kawasan Parlimen Kangar, sentiasa komited untuk melaksanakan intervensi bersepadu dalam isu kanak-kanak, khususnya melalui kerjasama strategik dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Antaranya ialah:

(i) **Program Advokasi Perlindungan KASIH Kanak-Kanak**

(ii) **Menubuhkan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK)**

Menubuhkan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)

dan

(iii) Bimbingan Kaunseling

3. KPWKM akan terus komited melaksanakan pelbagai program di seluruh negara demi memastikan kebajikan, perlindungan dan kesejahteraan serta kanak-kanak sentiasa terpelihara.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
ORANG KURANG UPAYA		
9.	Kita lihat di bawah PDK, bayar gaji penyelia hanya dibayar RM1,500 begitu juga petugas di PDK hanya RM1,200 iaitu di bawah gaji minimum. Jadi, bilakah penyelarasan gaji minimum di bawah agensi kerajaan ini akan dilaksanakan sepadan dengan tanggungjawab moral dan beban penjagaan terhadap masyarakat terutama di kalangan OKU?	DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Berhubung isu penyelarasan gaji minimum Petugas dan Penyelia di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang telah dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Rantau Panjang**, KPWKM telah membuat tindakan susulan bersama agensi berkaitan termasuklah Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kewangan.

2. Beberapa syor kini sedang diteliti bagi menimbangkan penyelesaian terbaik yang mampan.

3. Untuk makluman, bermula Januari 2021, kadar bayaran saguhati kepada penyelia telah dinaikkan daripada RM1,200

kepada RM1,500 dan RM800 kepada RM1,200 kepada petugas. Dengan kenaikan ini, pada tahun 2025 sahaja, Kerajaan telah memperuntukan lebih RM140juta untuk program PDK.

2. Pengurusan PDK diuruskan dan bergerak sebagai sebuah Pertubuhan / Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS). Pertubuhan PDK boleh membayar suguhati petugas dan penyelia PDK dengan kadar yang lebih baik dan tidak semestinya terikat kepada kadar bantuan kewangan Kerajaan yang diberikan pada masa ini.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
KELUARGA		
10.	<p>Konflik rumah tangga dan perceraian meningkat memberi kesan yang sangat besar.</p> <p>Apakah program yang sedang dirancang? Berapa bajetnya disediakan untuk menangani isu kadar perceraian yang semakin tinggi dalam negara kita?</p> <p>Apakah usaha untuk memandu ibu bapa mendidik anak serta panduan membimbing anak dalam dunia digital.</p> <p>isu kesihatan mental ini menjadi keutamaan serta pembangunan kerohanian, pembangunan institusi keluarga hendaklah diperkasakan.</p>	<p>DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]</p> <p>TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]</p> <p>DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]</p>

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. **Yang Berhormat Rantau Panjang** dan **Yang Berhormat Pulai** ingin mengetahui **apakah program** yang dilaksanakan dalam memandu ibu bapa dan **memperkasakan institusi kekeluargaan.**

2. Untuk makluman, Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara (ANKKN) yang terkandung dalam dalam dokumen RMK13 memberi tumpuan kepada pembangunan nilai sahsiah keluarga, pengukuhan hubungan kekeluargaan serta keseimbangan peranan dalam kalangan ahli keluarga bagi menjamin kestabilan sosial bermula dalam institusi keluarga.

3. Agenda nasional ini menyokong pelaksanaan Dasar Keluarga Negara dalam memastikan pendekatan dasar yang mesra keluarga dan perkhidmatan yang menyokong daya tahan keluarga dilaksanakan untuk kesejahteraan keluarga dan membangun negara bangsa.

4. Antara objektif agenda ini adalah memupuk dan mengingatkan individu dalam keluarga kepada perasaan kasih dan tanggungjawab untuk memberi layanan serta melakukan perkara yang wajar ke atas ahli keluarga mereka. Ini termasuklah dalam situasi yang tidak ideal, contohnya kita tidak mahu semua pihak terlibat perlu melalui pengalaman *bitter divorce* yang boleh memberi kesan negatif kepada emosi, kewangan, kesihatan mental dan perhubungan.

5. KPWKM menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai usaha

bagi meningkatkan pengetahuan pasangan berkahwin menerusi program pendidikan berkaitan ilmu perkahwinan dan kekeluargaan di samping khidmat sokongan keluarga seperti berikut:

- i. Kursus pra perkahwinan SMARTSTART 2.0 yang disasarkan kepada individu dan pasangan yang bakal berkahwin;
 - ii. Khidmat Sokongan Keluarga menerusi khidmat kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan;
 - iii. Program Keluarga@Kerja bagi membantu mereka mengimbangi keluarga dan kerjaya;
 - iv. Program Ilmu Keluarga@LPPKN
 - v. Program SMARTBelanja, serta Pendidikan Kesihatan & Keselamatan Anak (PEKA); dan
 - vi. Program SMARTSTART 2nd Honeymoon untuk memperkukuhkan ikatan perkahwinan dan membantu mengurangkan peningkatan kadar penceraian di Malaysia.
6. Menyedari bahawa peranan bapa juga harus diperkasakan, LPPKN telah membangunkan Modul Kebapaan khusus bagi bapa muda. Modul ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran bapa sebagai pemimpin keluarga

melalui pendekatan psikososial, nilai kekeluargaan dan kemahiran kebapaan moden yang inklusif dalam membentuk keluarga sejahtera.

7. LPPKN turut giat memperluaskan pelaksanaan program intervensi yang memberi penekanan kepada modifikasi tingkah laku supaya individu dan keluarga berupaya bertindak secara proaktif dalam mencegah serta mengawal faktor risiko yang boleh mencetuskan krisis kekeluargaan.

8. Modul Psiko-pendidikan *Family Psychological First Aid*, Modul Kumpulan Sokongan “*My Therapeutic Family*” serta Program Terapi Minda telah dibangunkan bagi membantu sokongan kesihatan mental dalam menyumbang kepada keutuhan institusi keluarga.

9. Sementara itu, menyedari bahawa cabaran digital turut memberi tekanan terhadap tugas keibubapaan serta keluarga masa kini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, LPPKN telah membangunkan Program KASIH Keibubapaan Digital bagi memperkasa golongan ibu bapa dengan ilmu serta kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan cabaran anak-anak generasi digital masa kini. Sehingga kini, lebih seribu (1,129) peserta telah menerima manfaat daripada program ini.

Pada masa sama, antara program lain yang ditawarkan bagi menyokong kesejahteraan dan membina ketahanan keluarga.

10. KPWKM juga turut menyokong kempen Masa Tanpa Gajet atau No Gadget Hour yang bertujuan untuk memastikan peruntukan masa berkualiti ketika bersama keluarga serta penetapan masa sesuai untuk menggunakan gajet.

11. Melalui inisiatif-inisiatif ini, Kementerian sentiasa komited dalam memperkukuhkan lagi institusi perkahwinan dan keluarga di Malaysia. Inisiatif untuk memperkukuhkan institusi perkahwinan dan keluarga di Malaysia akan diteruskan demi usaha membina masyarakat yang lebih sejahtera, harmoni dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan berkeluarga.

BIL	ISU & KUMPULAN SASAR	AHLI PARLIMEN
INDUSTRI PENJAGAAN		
11.	Cadangan supaya kerajaan pusat melalui mana-mana kementerian, Majlis TVET Negara atau sebagainya, untuk memperkasa dan membantu pertubuhan atau persatuan untuk membangunkan industri penjagaan. Beliau mencadangkan untuk pertubuhan seperti MASOC yang telah menyediakan latihan penjagaan dengan kerjasama kerajaan negeri Perak diberi dana untuk kembangkan di seluruh negara.	TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMUR]

1. Masih menyentuh isu industri penjagaan, **Yang Berhormat Ipoh Timur** mencadangkan agar Kerajaan **memperkasakan pertubuhan dan persatuan** yang terlibat dalam memberi **latihan kemahiran penjagaan** bagi mengarusperdanakan ekonomi penjagaan dalam menghadapi Negara tua.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri dan ekonomi penjagaan yang dibincang dan dipersiapkan oleh KPWKM adalah bukan hanya tertumpu kepada warga emas sahaja, tetapi turut

meliputi penjagaan kanak-kanak serta Orang Kurang Upaya (OKU).

3. KPWKM kini sedang dalam proses membangunkan ekosistem industri penjagaan yang kukuh melalui pembangunan Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan di Malaysia 2026-2030. Pembangunan Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan ini juga adalah selari dengan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan (NAB) yang disediakan oleh Kerajaan menerusi Kementerian Ekonomi.

4. Dalam usaha membangunkan lebih banyak modul dan penawaran latihan industri penjagaan, KPWKM sememangnya merancang untuk turut menjemput pembabit dan penglibatan pemain industri. Ini kerana kita mengiktiraf kepakaran mereka. Justeru, kolaborasi strategik dengan semua pihak termasuk pertubuhan, persatuan serta penggiat industri, sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur, pastinya akan dijalinkan. Dalam membina kerjasama ini, KPWKM akan mengambil pendekatan yang **inklusif** dengan semua pihak berkepentingan, dan **bukannya eksklusif** kepada satu-satu pihak sahaja.

(PENUTUP)

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, berakhirlah sesi penggulungan saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi sesi penggulungan **Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2026** di Dewan Rakyat pada hari ini.

Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan, cadangan penambahbaikan serta teguran yang melibatkan kumpulan sasar di bawah KPWKM. Saya menghargai segala yang telah dibangkitkan dan KPWKM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima.

Kerjasama dan sokongan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat terhadap inisiatif-inisiatif Kementerian terutamanya dalam mengendalikan isu yang sangat dekat di hati kita ini diharap dapat memberi lebih manfaat kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.